



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

KENYATAAN MEDIA

KES CUBAAN BUNUH BAYI OLEH PENGASUH: KPWKM TIDAK AKAN BERKOMPROMI DENGAN PERLAKUAN JENAYAH TERHADAP BAYI

Saya mengambil maklum penahanan seorang pengasuh wanita yang dituduh atas cubaan membunuh bayi berusia tujuh bulan dengan menghempas kepalanyasehingga tidak sedarkan diri.

Kes penganiayaan terhadap bayi seringkali menjadi isu hangat di dada akhbar, dan jenayah ini wajar diberi tumpuan oleh pihak penyiasatan Polis Diraja Malaysia (PDRM) agar si pelaku atau yang dituduh dapat dihadapkan ke muka pengadilan dengan segera bersandarkan pembuktian-pembuktian yang diperolehi oleh PDRM.

Insiden seperti ini boleh menjejaskan sedikit sebanyak kepercayaan golongan ibu bapa untuk menghantar anak mereka ke rumah pengasuh mahupun pusat penjagaan harian, lebih-lebih lagi dalam keadaan sektor-sektor pekerjaan sudah mula dibuka secara berfasa, ditambah pula dengan kebenaran pengoperasian semula pusat-pusat penjagaan harian kanak-kanak dan TASKA.

Ibarat nila setitik, rosak susu sebelanga. Insiden ini juga boleh memberi impak buruk terhadap pengasuh-pengasuh lain yang selama ini sentiasa memberi perhatian yang baik terhadap aspek pengasuhan serta kebajikan bayi.

Sebagai Menteri yang bertanggungjawab dalam perihal kanak-kanak, saya amat kesal dengan situasi yang berlaku dan meminta pihak berkuasa agar menjalankan siasatan yang sewajarnya.

Pada masa yang sama juga saya telah mengarahkan agar **Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) menerusi Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dapat mengambil intervensi yang bersesuaian terhadap bayi dan keluarga** demi memastikan kebajikan dan kesejahteraan bayi serta keluarga terpelihara.

Saya ingin menasihatkan kepada ibu bapa yang memerlukan perkhidmatan pengasuhan TASKA di rumah, agar mendapatkan khidmat pengasuhan yang berdaftar dengan JKM. Ini bagi memastikan keselamatan dan kesejahteraan kanak-kanak. **Maklumat berkaitan pengasuh dan TASKA berdaftar boleh didapati di laman sesawang www.jkm.gov.my.**

Saya juga memohon masyarakat awam untuk segera membuat laporan kepada pihak berkuasa PDRM ataupun Talian Kasih 15999 dan Talian Whatsapp 019-26 15999 yang beroperasi 24 jam apabila mengetahui atau mengesyaki apa-apa kes kes penderaan kanak-kanak. Masyarakat awam juga boleh membuat laporan di 108 Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) yang berdekatan di seluruh negara.

###

**YB Datuk Seri Rina Mohd Harun
Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan
Masyarakat
25 September 2021**